

Banjir: Tujuh sekolah di Kelantan ditutup

Oleh ADHAM SHADAN
adham.shadan@kosmo.com.my

KOTA BHARU – Tujuh buah sekolah iaitu enam sekolah kebangsaan dan sebuah sekolah menengah di negeri ini ditutup bermula semalam akibat banjir.


Pengarah Pelajaran negeri, Hussain Awang berkata, sekolah terbabit adalah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Rantau Panjang, Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Rantau Panjang (1), SK Rantau Panjang, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Kay Boon, dan SK Lubok Stal di Rantau Panjang.

Beliau berkata, dua buah sekolah di daerah Tumpat iaitu SK Bendang Pak Yong dan SK Simpangan turut ditutup selepas dinaiki air.

“Semua sekolah ini ditutup kerana air masih banyak dan kena tunggu esok untuk sama ada boleh dibuka atau tidak.

“Setakat ini, keadaan paras air di Rantau Panjang dilaporkan kian surut tetapi di Tumpat pula semakin naik,” katanya kepada *Kosmo!* di sini, semalam.

Hussain berkata, dua buah sekolah yang dijadikan pusat pemindahan



DUA beradik, Syafiqah Nasran, 8, dan Syamim, 11, membuat persiapan untuk ke sekolah esok walaupun kawasan rumah mereka masih banjir di Rantau Panjang semalam.

yang menempatkan 32 orang mangsa banjir daripada 10 buah keluarga mangsa banjir di daerah berkenaan bagaimanapun akan dibuka esok.

“Sesi persekolahan di sekolah itu tidak terjejas kerana semua mangsa banjir ditempatkan di surau sekolah,” katanya.

Sesi persekolahan 2011 di negeri ini bermula hari ini berikutan keputusan kerajaan negeri mengisytiharkan semalam cuti peristiwa bagi meraikan kemenangan pasukan bola sepak negara memenangi Piala Suzuki AFF 2010 pada 29 Disember lalu.